



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL**

TEKS UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN

**YB DATO SRI AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**KEM PERPADUAN ANAK MALAYSIA PERINGKAT
KEBANGSAAN TAHUN 2024**

**28 SEPTEMBER 2024 (SABTU)
8.30 MALAM**

**CENTRE FOR TECHNOLOGY EXCELLENCE,
KUCHING, SARAWAK**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang berganding bahu bersatu hati menjayakan pelaksanaan **Kem Perpaduan Anak Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024** anjuran kerjasama **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)** dan **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**.
2. Tema Kem Perpaduan Anak Malaysia pada tahun ini **“Menjiwai Rukun Negara”** yang menterjemahkan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan anak muda bertunjangkan **konsep membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian**. Program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk **meningkatkan semangat patriotisme dan memupuk perpaduan dalam kalangan murid**.
3. Pelaksanaan Kem Perpaduan Anak Malaysia pada tahun ini adalah susulan daripada kejayaan pada tahun tahun lalu. **Pada tahun 2023, kem ini telah dilaksanakan di Negeri Perak, Kedah dan Melaka.**

4. Saya dimaklumkan bahawa, pada tahun ini kem ini disertai oleh seramai **120 peserta yang terdiri daripada 14 pelajar Melayu, 13 pelajar Cina, 14 pelajar India, 79 pelajar (etnik Sabah, Sarawak, Siam, Baba Nyonya, Portugis, Orang Asli dan Sikh)**
5. Untuk makluman semua, Kementerian juga telah menubuhkan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah dalam usaha mengukuhkan **pengetahuan, pemahaman dan penghayatan Rukun Negara dalam diri murid.**
6. Sehingga kini ada sebanyak **6,849 Kelab Rukun Negara (KRN) telah ditubuhkan di seluruh negara yang merangkumi SK, SJK(C), SJK(T), SMK dan SMK swasta.** Daripada jumlah tersebut, sebanyak **408 Kelab Rukun Negara telah ditubuhkan di Sarawak.** Usaha menyemarakkan pendidikan dan penghayatan Rukun Negara ini perlu diperkasakan dalam setiap peringkat sistem pendidikan sekolah bermula dari prasekolah hingga ke pendidikan tinggi.

RUKUN NEGARA TONGGAK PERPADUAN NEGARA

7. Rentetan daripada peristiwa perkauman pada **13 Mei 1969**, kerajaan sedar bahawa perpaduan rakyat merupakan teras kepada pembentukan negara dan bangsa. **Majlis Gerakan**

Negara (MAGERAN), diketuai oleh Tun Abdul Razak telah berusaha menangani permasalahan perkauman demi memperkukuhkan ketahanan negara dan mengekalkan perpaduan. Sehubungan dengan itu, Rukun Negara telah digubal berdasarkan cadangan *pillars of nation*.

8. **Rukun Negara** telah digubal oleh kerajaan **bertujuan sebagai pengikat perasaan dan pembina semangat cintakan negara** dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. **Matlamat utama pembentukan Rukun Negara ialah membina perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia.**
9. Bermula pada **25 Julai 2023**, Kerajaan telah meluluskan supaya lafaz ikrar Rukun Negara kini dibaca penuh **bermula dengan Mukadimah, diikuti lima prinsip Rukun Negara** di semua peringkat sekolah dan program rasmi kerajaan di seluruh negara sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara.
10. Seiring dengan usaha pembangunan masyarakat MADANI, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan program di bawah *Flagship* Kembara Perpaduan Malaysia MADANI iaitu **Eksplorasi Rukun Negara (ERN) pada 14 Ogos 2023**. Inisiatif ini merupakan usaha memperkasakan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

11. Selain itu, sejarah juga telah tercatat apabila buat pertama kalinya **Ikrar Rukun Negara dilafazkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara**. Matlamat pelaksanaan ini juga ialah pemimpin sebagai teladan. Sebagai pemimpin tidak mengira politik, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memberi teladan baik dalam mengamalkan nilai perpaduan dan keharmonian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PRINSIP INTEGRASI NASIONAL

12. Justeru, **konsep Hormat, Faham dan Terima ialah teras dan tunjang kelestarian keharmonian kesepaduan sosial** yang perlu dipupuk dan disebatikan dalam diri dalam membentuk sebuah ekosistem perpaduan yang utuh di antara anggota masyarakat di semua peringkat umur sehingga ke akar umbi.
13. **Konsep Faham** : Kita hendaklah memahami sejarah, latar budaya, adat resam dan nilai murni Malaysia. Jika jelas dan faham, maka salah faham dan persepsi dapat dielakkan dalam mewujudkan hubungan yang lebih erat dan harmoni.

14. **Konsep Hormat** : Hormat terhadap kepelbagaian etnik, budaya dan agama rakan rakan kita. Perasaan hormat terhadap kepelbagaian ini akan mewujudkan suasana yang aman dan harmoni seterusnya mengukuhkan hubungan interpersonal.
15. **Konsep Terima : Kesediaan menerima perbezaan** rakan daripada pelbagai etnik, agama dan budaya. Pastikan **setiap orang merasa diterima dan disertakan** dalam setiap aspek kehidupan.
16. Secara keseluruhannya, **konsep Faham, Hormat, dan Terima adalah asas kepada keharmonian dalam masyarakat**. Dengan mengamalkannya, kita bukan sahaja dapat membina hubungan yang lebih baik, tetapi juga mewujudkan persekitaran yang positif untuk generasi akan datang.

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

INISIATIF KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

17. Saya begitu serius menekankan bahawa penghayatan dan pemahaman Rukun Negara dan kenegaraan perlu diterapkan dengan konsep “**Cradle to Grave**”. Ketika ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi dibawahnya seperti:

Pendidikan Awal

- Modul Rukun Negara di Taska dan Tabika Perpaduan

Pendidikan Rendah dan Menengah

- Penubuhan Kelab Rukun Negara
- Kem Kenali Budaya Kita
- Kem Perpaduan Anak Malaysia
- Pantun Perpaduan
- Pertandingan Mural Rukun Negara
- Program Raja Kita, Payung Kita
- Program Bermalam di Muzium

Peringkat IPT/Belia

- Penubuhan Sekretariat Rukun Negara (srn)
- Peruntukkan RM3,000 kepada SRN
- Debat Perpaduan Piala Menteri Perpaduan
- Kembara Perpaduan@ Kampus : Chit Chat Belia
- Program Jalinan Integrasi Mahasiswa
- Ejen dan Duta Perpaduan

Masyarakat (keseluruhan)

- Lafaz Ikrar Rukun Negara secara penuh
- Ekplorasi Rukun Negara

18. Selain itu, Kementerian akan terus memberi fokus kepada penghayatan Rukun Negara. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan kelak adalah:

- I. **Lafaz Ikrar Rukun Negara peringkat Dewan Undangan Negeri**
- II. **Modul Penghayatan Rukun Negara**
- III. **Syor Rukun Negara sebagai mukadimah kepada Perlembagaan Persekutuan**
- IV. **Sambutan 55 Tahun Rukun Negara pada tahun hadapan**
- V. **Modul Kenegaraan bagi PLKN 3.0**
- VI. **Konvensyen Sekretariat Rukun Negara**
- VII. **Simposium Pendidikan Rukun Negara**
- VIII. **Pembangunan Pelan Tindakan Penghayatan Rukun Negara**

19. Antara dua syor yang telah dikemukakan melalui Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional 2024 adalah **konsep sekolah wawasan perlu diperkenalkan semula** untuk memperkukuhkan perpaduan dan **memperkasakan sukatan matapelajaran sejarah Sabah & Sarawak**. Oleh itu, Kementerian menerusi Arkib Negara Malaysia akan meneliti cadangan ini sebelum diangkat kepada Jemaah Menteri.

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian;

20. Saya menyeru semua anak-anak, guru-guru dan semua pihak agar membudayakan pengamalan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian. Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa menyokong pelaksanaan program-program yang dapat menyemarakkan rasa kecintaan terhadap negara dan mengekalkan keharmonian yang telah sedia wujud di negara ini.

21. Akhir kata, marilah kita bersama-sama Menjiwai Rukun Negara dalam memastikan kelestarian keharmonian dan kedamaian Malaysia tercinta. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **Merasmikan Penutupan Kem Perpaduan Anak Malaysia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.